

Bausch & Lomb Sensitive Eye Saline Solution/Larutan Bergaram Bausch & Lomb Sensitive Eyes

KANDUNGAN: Larutan Bergaram Sensitive Eyes ialah larutan steril, isotonik dan tertimbang yang mengandungi asid borik, natrium borat, kalium klorida, natrium klorida, diawet dengan poliaminopropil biguanida (0.00003%) dan edetat dinatrium (0.025%).

TINDAKAN: Larutan Bergaram Sensitive Eyes menyingkirkan kotoran yang tidak melekat kuat dan kesan pembersih harian apabila digunakan sebagai bilasan selepas pembersihan. Larutan ini juga menyingkirkan mendapan kalsium yang sedia ada dan menghalang mendapan baharu daripada terkumpul apabila digunakan dengan disinfeksi haba. Larutan bergaram juga boleh digunakan di dalam bekas pembawa kanta lekap semasa disinfeksi haba (terma). Larutan ini boleh digunakan sebagai pencair untuk tablet enzim, untuk menyimpan kanta lekap dan sebagai bilasan terakhir (sebelum pemakaian) selepas disinfeksi kimia (bukan haba) dan hidrogen peroksida.

INDIKASI (Kegunaan): Larutan Bergaram Sensitive Eyes ialah larutan steril dan diawet untuk membilas kanta lekap selepas dibersihkan dan sebelum memakai kanta lekap menggunakan sistem haba (terma), kimia (bukan haba) dan hidrogen peroksida; disinfeksi haba; pencairan tablet enzim dan penyimpanan kanta lekap lembut seperti yang disyorkan oleh pengamal penjagaan mata anda.

KONTRAINDIKASI (Sebab tidak boleh menggunakannya): Jika anda alah kepada mana-mana ramuan dalam Larutan Bergaram Sensitive Eyes, jangan gunakan produk ini.

AMARAN: MASALAH KANTA LEKAP DAN PRODUK PENJAGAAN KANTA LEKAP BOLEH MENYEBABKAN KECEDEeraan SERIUS PADA MATA. Anda perlu mematuhi arahan pengamal penjagaan mata anda dan semua arahan pada label untuk penggunaan dan penjagaan yang betul bagi kanta lekap dan produk penjagaan kanta lekap termasuk bekas kanta lekap.

Masalah mata termasuk ulser kornea boleh terbentuk dengan cepat dan boleh menyebabkan hilang penglihatan.

Kanta lekap harian bukan untuk dipakai semalaman dan tidak boleh dipakai ketika tidur. Kajian klinikal menunjukkan risiko tindak balas memudaratkan yang serius meningkat apabila kanta lekap ini dipakai semalaman.

Kanta lekap yang dipakai bagi tempoh yang panjang hendaklah ditanggalkan dengan kerap untuk pembersihan dan disinfeksi atau untuk pelupusan dan penggantian mengikut jadual yang ditetapkan oleh pengamal penjagaan mata anda. Kajian klinikal menunjukkan kekerapan berlakunya tindak balas memudaratkan yang serius meningkat bagi pengguna kanta lekap tempoh berpanjangan berbanding pengguna kanta lekap harian. Kajian juga menunjukkan risiko tindak balas memudaratkan yang serius meningkat apabila kanta lekap tempoh berpanjangan dipakai lebih lama sebelum ditanggalkan untuk pembersihan dan disinfeksi atau untuk pelupusan dan penggantian.

Kajian juga menunjukkan perokok mengalami tindak balas memudaratkan yang lebih kerap.

Jika anda mengalami rasa tidak selesa pada mata, pengeluaran air mata berlebihan, perubahan pada penglihatan atau kemerahan pada mata, tanggalkan kanta lekap anda dengan serta-merta dan segera hubungi pakar penjagaan mata anda.

Pemakai kanta lekap disyorkan berjumpa pengamal penjagaan mata dua kali setahun atau lebih kerap jika diarahkan.

Untuk mengelakkan pencemaran, jangan sentuh hujung botol dengan mana-mana permukaan. Tutup semula botol selepas digunakan.

LANGKAH BERJAGA-JAGA:

- Jangan guna semula larutan ini.
- Pastikan botol tertutup rapat apabila tidak digunakan.
- Simpan pada suhu bilik.
- Gunakan produk sebelum tarikh luput yang ditandakan pada kotak dan botol.
- Jangan gunakan kaedah disinfeksi haba (terma) dan kimia (bukan haba) berselang-seli.
- Selepas memakai kanta lekap, sentiasa kosongkan bekas penyimpanan, bilas dengan Larutan Bergaram Sensitive Eyes dan biarkan kering.

TINDAK BALAS MEMUDARATKAN (Masalah dan cara menanganinya): Masalah yang berikut boleh berlaku: rasa pedih, rasa terbakar atau gatal-gatal pada mata (kerengsaan), keselesaan berkurang berbanding pada kali pertama memakai kanta lekap, rasa sesuatu dalam mata (jasad asing, kawasan tercalar), pengeluaran air mata berlebihan, rembesan mata yang luar biasa, kemerahan pada mata, ketajaman mata yang berkurang (ketajaman penglihatan yang lemah), penglihatan kabur, pelangi atau halo pada sekeliling objek, sensitif terhadap cahaya (fotofobia), atau kekeringan pada mata.

Jika anda dapati mana-mana keadaan di atas berlaku:

- **SEGERA TANGGALKAN KANTA LEKAP ANDA.**
- Jika rasa tidak selesa atau masalah berhenti, periksa kanta lekap dengan teliti.
- Jika kanta lekap rosak dalam apa-apa keadaan sekalipun, **JANGAN** pakai semula kanta lekap tersebut. Letakkan kanta lekap di dalam bekas penyimpanan dan hubungi pengamal penjagaan mata anda.
- Jika terdapat kekotoran, bulu mata atau jasad asing lain melekat pada kanta lekap, atau masalah berhenti dan kanta lekap tidak rosak, bersihkan, bilas dan disinfeksikan kanta lekap tersebut dengan teliti, kemudian pakai kanta lekap itu semula.
- Jika masalah berterusan, **SEGERA** tanggalkan kanta lekap dan dapatkan nasihat pengamal penjagaan mata anda.

Jika mana-mana simptom di atas berlaku, keadaan yang serius seperti infeksi, ulser kornea, neopemvaskularan, atau iritis mungkin wujud. Dapatkan pengesahan tentang masalah tersebut daripada pakar dan rawatan dengan segera untuk mengelakkan kerosakan mata yang serius.

AMALAN PENJAGAAN KANTA LEKAP YANG BAIK:

- Sentiasa basuh dan bilas tangan anda sebelum mengendalikan kanta lekap.
- Bersihkan, bilas dan disinfeksikan kanta lekap anda setiap kali anda menanggalkannya.

- Sentiasa kendalikan kanta lekap yang sama dahulu, sama ada kanan atau kiri, untuk mengelakkan kekeliruan.
- Selepas digunakan, sentiasa kosongkan dan bilas bekas kanta lekap dengan larutan pembilas baharu dan biarkan kering.

ARAHAN:

Bilas Selepas Pembersihan

- Bersihkan kanta lekap dengan pembersih harian seperti Pembersih Harian Bausch & Lomb® Sensitive Eyes atau Larutan Pelbagai Guna ReNu® seperti yang diarahkan oleh pengamal penjagaan mata anda.
- Selepas pembersihan, bilas kanta lekap sebersih-bersihnya dengan Larutan Bergaram Sensitive Eyes sambil memegang kanta lekap dengan jari telunjuk dan ibu jari atau meletakkannya di atas tapak tangan. Alirkan larutan bergaram pada kanta lekap selama 10 saat.

Disinfeksi Kanta Lekap Menggunakan Haba (terma)

- Isikan 2/3 ruang bekas pembawa kanta lekap dengan Larutan Bergaram Sensitive Eyes yang baharu.
- Letakkan kanta lekap yang telah dibersihkan ke dalam ruang yang betul.
- Tutup botol dengan ketat.
- Letakkan bekas pembawa kanta lekap di dalam unit disinfeksi dan patuhi arahan operasi bagi unit tersebut.
- Selepas disinfeksi, anda boleh menyimpan kanta lekap di dalam bekas yang tidak dibuka sehingga anda ingin memakainya.

Disinfeksi Menggunakan Kimia (Termasuk sistem hidrogen peroksida)

- Bersihkan, bilas dan disinfeksi kanta lekap anda seperti yang diarahkan oleh pengamal penjagaan mata anda.
- Sebelum memakai kanta lekap, bilas sebersih-bersihnya dengan Larutan Bergaram Sensitive Eyes.
- Kanta lekap yang didisinfeksi dengan kimia boleh menyerap ramuan daripada larutan infeksi dan boleh menyebabkan kerengsaan pada mata. Membilasnya selama 20 saat boleh mengurangkan potensi berlakunya kerengsaan.

Pembersihan Berenzim (Mingguan)

- Bersihkan dan bilas kanta lekap seperti yang diarahkan oleh pengamal penjagaan mata anda.

- Larutan Bergaram Sensitive Eyes boleh digunakan untuk mencairkan tablet pembersihan berenzim seperti Pembersih Berenzim Sensitive Eyes, Pembersih Kanta Lepak Berenzim Terma atau Berbuih Bausch & Lomb ReNu.

®/™ ialah tanda dagangan Bausch & Lomb Incorporated atau sekutunya.

© Bausch & Lomb Incorporated

Dikilangkan oleh:

Bausch & Lomb

8507 Pelham Road, Greenville,

SC 29615-9598 USA